



DULIYANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM  
SULTAN JOHOR

Bil ( 4 ) dlm. SUKJ. 100-1/8/8 Jld. 2

22 Mac 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Badan Berkanun Jabatan  
Semua Pihak Swasta  
Pengerusi Cawangan  
Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia

### **CUTI UMUM PADA 23 MAC 2015 MENGGANTIKAN 22 NOVEMBER 2015**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah diimklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengumumkan hari Isnin **23 Mac 2015** sebagai Hari Kelepasan Am Negeri Johor bagi memberi peluang untuk rakyat Johor bersama-sama meraikan Majlis Istiadat Kemahkotaan DYMM Sultan Johor.

3. Sukacita diperjelaskan disini bahawa cuti pada **23 Mac 2015** ini adalah **menggantikan Hari Kelepasan Am sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor pada 22 November 2015**. Dengan ini cuti umum pada 22 November 2015 adalah dibatalkan. Ini tidak menjejaskan jumlah cuti Hari Kelepasan Am bagi negeri Johor.

4. Mulai tahun 2016, Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor diisytiharkan pada 23 Mac setiap tahun dan tiada lagi sambutan pada 22 November.

Sekian dimaklumkan.

### **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

  
( **HAJI AMRAN BINA RAHMAN** )  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p. Setiausaha Kerajaan  
Johor